

SOALAN LAZIM SISTEM E-FILING

Gambaran Am

Q : Apakah prosedur bagi pendaftaran e-Filing pihak peguam?

- A : 1. Dapatkan ID Rujukan e-Filing (EFS) dari laman web eKehakiman
2. Memohon *Personal Certificate Token*
3. Membuka akaun perbankan atas talian
4. Mendaftarkan akaun Pentadbir Sistem EFS dari laman web eKehakiman
5. Mendaftarkan akaun EFS peguam

Q : Adakah semua Firma Guaman dikehendaki menggunakan Sistem e-Filing?

- A : Ya, semua firma di lokasi yang menggunakan Sistem eKehakiman Fasa 2 perlu membuat demikian.

Q : Adakah pengguna Fasa 1 perlu untuk mendaftar semula untuk mengakses ke Sistem e-Filing baru?

- A : Ya.

Sijil Digital

Q : Bagaimanakah cara bagi mendapatkan *Personal Certificate Token*?

- A : 1. Lengkapkan borang permohonan *Personal Certificate* (Borang ini boleh didapati dari eCOURT portal)
2. Hantarkan borang tersebut ke Augmented Tech Sdn. Bhd.

Q : Apakah senarai semak bagi Permohonan mendapatkan *USB Token & Personal Certificate*?

- A : 1. Borang Permohonan Augmented Tech Sdn. Bhd.
2. ID Rujukan EFS
3. Salinan MyKAD pemohon
4. Surat pengesahan dari Firma Guaman
5. Surat dari BAR Council
6. Sijil Amalan Pemohon
7. Borang *Sales Order* Augmented Tech Sdn. Bhd.

Q : Adakah setiap peguam di dalam firma saya memerlukan Token USB sendiri?

- A : Sebaik-baiknya, setiap peguam yang membuat pemfailan kes menggunakan Token sendiri.

Q : Bolehkah saya menggunakan Token saya yang sedia ada sekiranya saya berpindah firma guaman?

- A : Tidak, kerana setiap Token didaftarkan mengikut firma guaman masing-masing.

Q : Adakah sijil digital yang dibekalkan diiktiraf oleh pihak-pihak yang berkaitan?

A : Ya. Sijil digital yang dibekalkan oleh *Certificate Authority (CA)* adalah diiktiraf oleh Verisign di peringkat antarabangsa.

Q : Adakah sijil digital boleh dikongsi di antara pengguna?

A : Setiap sijil digital mengandungi data-data peribadi pemilik Token. Oleh demikian, pemilik sijil digital perlu bertanggungjawab ke atas kegunaan Token masing-masing.

Q : Bolehkah saya membuat pembelian sijil digital dari pihak pengeluar sijil yang lain di Malaysia?

A : Sijil Digital boleh dibeli daripada Augmented Technology Sdn. Bhd. atau MSC Trustgate Sdn. Bhd.

Q : Sekiranya saya mempunyai lebih dari satu cawangan Firma Guaman, berapa akaun Pentadbir Sistem EFS yang perlu didaftarkan?

A : Setiap satu cawangan firma yang berdaftar dengan BAR Council perlu mempunyai Pentadbir Sistem EFS tersendiri.

Q : Saya mempunyai Token eCOURT 1. Perlukah saya mendapatkan Token baru bagi eCOURT 2?

A : Tidak. Token yang sedang digunakan sekarang masih boleh digunakan di eCOURT 2 selagi Token tersebut masih sah tempoh penggunaannya.

Q : Berapa lamakah perlu saya tunggu untuk mendapatkan Token USB?

A : Selama 3 hari berkerja diperlukan untuk menyediakan Token selepas borang permohonan dihantar.

Sistem e-Filing (EFS)

Q : Bagaimanakah saya mengakses sistem EFS?

A : [Sistem EFS](#)

Q : Apa yang perlu dilakukan jika saya terlupa kata laluan untuk log masuk?

A : Klik pada hyperlink "Lupa kata laluan?"

Anda akan diminta untuk memasukkan nombor identifikasi dan alamat emel. Satu emel yang mengandungi kata laluan sementara akan dihantar kepada anda. Log masuk ke dalam EFS menggunakan kata laluan sementara tersebut dan tukarkan kata laluan kepada kata laluan anda yang baru.

Q : Bolehkah saya memfailkan kes baru dan kes sedia ada secara serentak melalui Sistem e-Filing?

A : Tidak. Walaubagaimanapun, anda boleh membuat pemfailan bagi lebih daripada satu pemfailan kes baru (ataupun lebih daripada satu pemfailan kes sedia ada) pada masa yang sama.

Q : Bagaimanakah saya dapat memastikan sama ada dokumen yang telah saya failkan telah diterima oleh pihak mahkamah?

A : Status Pemfailan akan bertukar menjadi *Pemfailan Diterima* di dalam sistem.

Q : Apakah saiz fail maksima yang boleh saya muat naik ke dalam sistem?

A : Saiz fail dihadkan kepada 50MB bagi setiap dokumen.

Q : Apakah format fail yang boleh dimuat naik ke dalam sistem?

A : eForm dan PDF.

eForm adalah borang elektronik yang dijana oleh sistem berdasarkan kepada infomasi yang diisi oleh pihak pemfail ke dalam EFS. Sebarang dokumen lain yang perlu dimuatnaikkan haruslah disediakan dalam format PDF.

Q : Bagaimanakah saya dapat tahu dokumen saya sedia untuk diekstrak?

A : Satu notifikasi akan dihantar ke *Inbox* anda untuk memuat turun dokumen yang telah siap diproses.

Q : Apa yang perlu dilakukan jika terdapat gangguan pada rangkaian internet semasa menggunakan Sistem e-Filing?

A : Sila hubungi pembekal rangkaian internet ataupun penasihat teknikal anda untuk menyelesaikan gangguan internet tersebut.

Q : Bolehkah saya menggunakan sistem operasi selain dari Windows (contohnya Mac/Linux/Unix)?

A : Tidak. Sistem e-Filing dan komponen-komponennya yang berkaitan dibina untuk digunakan dengan sistem operasi Windows buat masa sekarang.

Q : Berapa banyak dokumen yang boleh saya muat naik ke dalam sistem pada satu-satu masa?

A : Maksima 10 dokumen boleh dimuat naik dalam setiap satu pemfailan.

Q : Apakah tarikh yang dianggap sebagai tarikh pemfailan kes?

A : Tarikh pemfailan dikira sebagai tarikh dimana Status Pemfailan berubah kepada *Pemfailan Diterima*.

Q : Bolehkah peguam membuat pemfailan kes menggunakan Sistem e-Filing untuk mana-mana lokasi mahkamah?

A : Tidak, peguam hanya boleh membuat pemfailan kes menggunakan Sistem EFS untuk lokasi mahkamah yang telah melaksanakan Sistem eKehakiman.

Q : Adakah kes rayuan boleh difailkan dalam Sistem e-Filing?

A : Untuk Fasa 2 *Release 1*, kes rayuan dari Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi boleh difailkan.
Pada *Release 2*, rayuan ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan juga akan dilaksanakan.

Q : Bagaimanakah patut saya melakukan pemfailan dokumen bagi kes-kes yang telah dimulakan difail sebelum sistem dilancarkan?

A : Pemfailan dokumen-dokumen kes tersebut akan bersambung seperti biasa (contohnya melalui Kaunter Pendaftaran).

Q : Adakah Akaun Perbankan Atas Talian diperlukan untuk membuat pemfailan?

A : Ya, jika anda adalah firma guaman atau *GLC*. Tidak, jika anda dari Agensi Sivil atau Penguatkuasa.